

**Ketengah Bina Pintu Gerbang Sambut Kepulangan Tuanku Mizan
Bernama
24 November , 2011**

KUALA TERENGGANU, 24 Nov (Bernama) -- Bagi menyambut keberangkatan pulang Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin ke Terengganu, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) membina sebuah pintu gerbang di sini.

Pengurus Ketengah Wan Mat Amin Wan Daud berkata pintu gerbang Ketengah di Jalan Sultan Ismail itu didirikan bagi menggantikan pintu gerbang lama di Jalan Kamaruddin yang merupakan pintu gerbang separa kekal.

"Ketengah telah menyediakan satu reka bentuk pintu gerbang baru yang menggabungkan unsur tradisional dan moden yang menarik dan cantik," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata bentuk asas pintu gerbang itu merupakan sepasang keris sebagai tiangnya yang melambangkan keutuhan dan ketuanan bangsa Melayu di negeri Terengganu.

Di bahagian tengah pintu gerbang pula terdapat susunan lima bilah logam berwarna emas dan perak secara berselang seli yang melengkung ke bawah melambangkan rukun Islam sebagai asas kehidupan beragama.

Wan Mat Amin berkata pembiayaan pintu gerbang itu dibiayai anak syarikat Ketengah iaitu Ketengah Holdings Sdn Bhd dengan kos RM500,000.

Ketengah berharap pintu gerbang itu menjadi mercu tanda baru dan dapat membantu mengindahkan lagi bandar raya Kuala Terengganu dengan reka bentuknya yang unik dan tersendiri.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=629613>